UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

LAMPIRAN F

## PERAKUAN UNTUK DITANDATANGAN APABILA MENINGGALKAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

Perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi, 1972 dan saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan perkara rasmi kepada mana-mana orang tidak dibenarkan adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 8 akta itu yang boleh dihukum penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

Semua maklumat yang telah saya dapati atau lihat dalam masa menjalankan kewajipan-kewajipan saya adalah meliputi oleh Seskyen 8 itu. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 8 bagi saya menyampaikan dengan tiada kebenaran apa-apa di bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di pertuan Agong atau di bawah mana-mana Kerajaan Malaysia, sebelum dan selepas saya berhenti memegang jawatan itu.

Apa-apa sebutan oleh saya dengan tiada kebenaran sama ada sebutan itu secara lisan atau terkandung dalam apa-apa gambar foto, filem, negative, pita, rakam, peta, pelan, model, graf, lukisan, piring hitam, runut bunyi, benda atau lain-lain alat dsb dan sama ada di Malaysia atau di luar negeri mengenai apa-apa perkara yang saya telah ketahui atas sifat rasmi saya itu boleh menyebabkan saya dikena dakwa di bawah Akta tersebut.

Saya mengaku bahawa tidak lagi ada dalam milik saya atau kawalan saya apa-apa perkataan kod rasmi, isyaratimbal atau katajodoh rasmi yang rahsia atau apa-apa benda, suratan atau maklumat anak kunci, lencana, alat, meteri atau cap bagi atau yang dipunyai atau diguna, dibuat atau diadakan oleh mana-mana Jabatan Kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa diplomat yang dilantik oleh atau yang bertindak di bawah kuasa Kerajaan Malaysia atau kuasa seri Paduka Baginda yang dibenarkan dalam milik kawalan saya.

Tempat : ............................................

Tarikh : ............................................

Tandatangan : ............................................

No. K/P : ............................................

Nama dalam huruf cerai : ...........................

Jawatan : ............................................

Disaksikan oleh : ........................................

(Tandatangan)

Nama (saksi) dalam huruf cerai : .................

.....................................................................